

KEPIMPINAN DISTRIBUTIF, EFIKASI KOLEKTIF GURU DAN KOMITMEN ORGANISASI GURU BESAR DI SEKOLAH KEBANGSAAN NEGERI PERAK

Abdul Rahim bin Abdul Rashid

*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak.*

rahim@iab.moe.gov.my

Kata kunci : kepemimpinan distributif, efikasi kolektif guru, komitmen organisasi, kolaboratif, pengurusan

ABSTRAK KAJIAN

Kefahaman mengenai konsep kepemimpinan distributif merupakan elemen yang penting dalam meningkatkan amalan kepemimpinan berkesan di sekolah dengan memperakui bahawa corak kepemimpinan memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan sekolah. Reformasi dalam sistem pendidikan yang berlaku di Malaysia menuntut penambahbaikan dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan sekolah. Banyak kajian luar dan dalam negara telah membuktikan bahawa tuntutan penambahbaikan sekolah telah mengakibatkan tekanan dan kepelbagaian dalam tugas dan tanggung jawab pengetua dan guru besar dalam memajukan sekolah. Kebanyakan aktiviti dan program-program sekolah yang berkaitan dengan kemenjadian murid telah dirancang oleh pihak pengurusan dan guru-guru hanya menunggu arahan daripada guru besar serta pihak pentadbir untuk bertindak. Dalam senario ini guru-guru hanyalah sebagai pelaksana dan tidak diberi peluang untuk memainkan peranan yang berkesan dalam menggunakan kemahiran dan pengalaman dalam memimpin organisasi. Oleh yang demikian, objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan kepemimpinan distributif, efikasi kolektif guru dan komitmen organisasi di kalangan guru-guru sekolah kebangsaan di negeri Perak. Selain dari itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepemimpinan distributif terhadap efikasi kolektif guru dan komitmen organisasi. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kuantitatif dengan reka bentuk kajian secara tinjauan berdasarkan persepsi guru terhadap kepemimpinan distributif, efikasi kolektif guru dan komitmen organisasi.

Sampel kajian melibatkan seramai 440 orang guru-guru di negeri Perak (143= lelaki; 297=perempuan) yang telah dipilih sebagai responden menggunakan persampelan rawak berstrata dengan dibahagikan mengikut Pejabat Pendidikan Daerah. Data telah dikutip dan dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan hasil kajian deskriptif mendapati bahawa tahap kepimpinan distributif, efikasi kolektif guru dan komitmen organisasi berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.106; 4.061 dan 3.963. Kepimpinan distributif juga didapati mempunyai korelasi yang signifikan dan positif dengan efikasi kolektif guru dan komitmen organisasi dengan nilai $r=0.486$, $p<0.001$ dan $r=0.437$, $p<0.01$. Manakala analisis korelasi hubungan antara efikasi kolektif guru dan komitmen organisasi juga menunjukkan hubungan yang signifikan yakni $r= 0.334$, $p<0.01$. Hasil analisis regresi berganda juga telah menunjukkan bahawa dimensi-dimensi kepimpinan distributif telah memberi pengaruh dan sumbangan yang signifikan terhadap efikasi kolektif guru dan komitmen organisasi dengan menyumbang sebanyak 25.6% ke atas perubahan varian dalam efikasi kolektif guru [$R=0.506^a$, $R^2 = 0.256$, $R^2 \text{ terlaras} = 0.255$, $F (1,427) = 147.199$, $p<0.05$] dan sebanyak 16.6% ke atas perubahan varian dalam komitmen organisasi [$R=0.407^a$, $R^2 = 0.166$, $R^2 \text{ terlaras} = 0.164$, $F (1,427) = 84.984$, $p<0.05$]. Justeru itu, setiap dimensi di dalam amalan kepimpinan distributif perlu diterapkan kepada pemimpin-pemimpin sekolah dalam memastikan keberkesanan kepimpinan sekolah dapat dicapai manakala efikasi kolektif guru dan komitmen guru terhadap organisasi turut dapat dipertingkatkan. Kesimpulannya untuk cadangan penambahbaikan kepada setiap pemimpin sekolah perlu mengubah gaya kepimpinan bercorak kepimpinan distributif untuk membangunkan kapasiti dan potensi guru supaya mampu membuat kolaborasi dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku di sekolah.